

25 MAR 1997

Parlimen-Siber

DUA RANG UNDANG-UNDANG SIBER DIBENTANG DI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Malaysia mengorak langkah mewujudkan undang-undang siber bagi merancakkan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan pembentangan dua daripada enam rang undang-undang siber di Parlimen hari ini.

Rang Undang-Undang Jenayah Komputer dan Rang Undang-Undang Tandatangan Digital dibentangkan untuk bacaan pertama oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie.

Pembentangan dua rang undang-undang pertama itu mencerminkan komitmen Malaysia untuk membentuk persekitaran undang-undang siber bagi teknologi maklumat ekoran kegigihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan promosi MSC di seluruh dunia.

Rang Undang-Undang Jenayah Komputer, antara lain, mengharamkan akses maklumat melalui rangkaian komputer tanpa kebenaran melalui pelbagai cara seperti pencerobohan komputer (hacking) dan menangani masalah penipuan komputer.

Ia memperuntukkan hukuman denda antara RM25,000 dan RM150,000 atau penjara antara tiga tahun dan 10 tahun terhadap sesiapa yang menyalahgunakan komputer dan maklumat yang ada di dalam komputer.

Rang Undang-Undang Tandatangan Digital pula akan memberi pengesahan, kuasa untuk membuat pengesahan dan membenarkan penerimaan tandatangan digital sebagai sah kepada undang-undang bagi membolehkan urusanniaga dijalankan melalui rangkaian komputer.

Akta Hakcipta (Pindaan) 1997 dan Rang Undang-undang Teleperubatan akan dibentangkan pada sesi ini juga manakala Rang Undang-undang Kerajaan Elektronik dan Rang Undang-undang Penyatuan Multimedia dibentangkan dalam sesi Parlimen akan datang.

Sesi Dewan Rakyat hari ini, sehari selepas upacara perasmian Parlimen oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, rancak membincangkan soal MSC dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjawab serentak sembilan soalan, daripada wakil Barisan Nasional dan pembangkang.

Anwar berkata perundangan siber yang lengkap, selain insentif-insentif khas dan dasar-dasar khusus, adalah bagi memastikan pencapaian yang maksimum diperolehi daripada kemudahan dan teknologi-teknologi multimedia/maklumat.

Katanya kesemua enam undang-undang siber itu akan digubal tahun ini bagi menggalakkan perdagangan elektronik dan memberi perlindungan kepada para pengguna apabila MSC dilaksanakan.

Sebanyak 583 syarikat, 122 antarabangsa dan 461 tempatan, telah memohon untuk menyertai MSC, dengan empat syarikat telahpun diberi "Status MSC" iaitu Institut Sistem Elektronik Mikro Malaysia (MIMOS) Berhad, Telekom Malaysia, Nippon Telephone & Telegraph (NTT) dan Sun Microsystems.

"Jelas iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lawatan beliau ke San Francisco (Amerika Syarikat) dan Tokyo (Jepun) baru-baru ini telah berjaya memperkenalkan MSC kepada dunia dan menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di koridor itu," katanya.

MSC merupakan zon seluas 15km x 50km meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya dan bandar Cyberjaya.

Selepas ini, rang undang-undang siber ini akan dikemukakan pada sesi Dewan Negara yang akan bermula 12 Mei.

Kepada soalan-soalan tambahan daripada pembangkang, Anwar berkata

kerajaan amat berterima kasih dan menghargai sikap positif parti-parti pembangkang dalam usaha menjayakan projek MSC.

Katanya kerajaan juga bersetuju dengan pandangan DAP bahawa aspek latihan dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan dan kepakaran multimedia tidak seharusnya tertumpu hanya di kawasan MSC malah perlu dijadikan projek raksaksa di seluruh negara. -- BERNAMA

MOK TCL NAK